

# 'Isi rumah B40, M50 hadapikekangan berbelanja'

BIIJARIAH

24/9/15

MS 22

**Analisis** terkini Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) mendapati tidak semua golongan B40 di negara ini memerlukan bantuan sosial sama dalam menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Analisis itu juga mendapati, 50 peratus isi rumah berpendapatan pertengahan (M50) pula berdepan kekangan dalam membuat keputusan untuk berbelanja membabitkan barang keperluan asas dan barang keperluan lain.

Penyelidik Kanan KRI, Hawati Abdul Hamid, berkata dengan menggunakan perangkaan pendapatan dan penggunaan isi rumah 2014, pihaknya mendapati isi rumah berpendapatan bawah RM1,196 (B20) adalah kumpulan yang hanya mampu membeli ba-

rangan keperluan asas seperti makanan, rumah dan pakaian.

Beliau berkata, pihaknya mendapati golongan M50 juga masih berdepan kekangan untuk berbelanja, terutama jika mereka berdepan situasi kecemasan yang tidak dijangka.

Katanya, ia menyebabkan golongan berkenaan terpaksa mengorbankan perbelanjaan keperluan lain untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

"Justeru, isi rumah B20 lebih memerlukan bantuan kebajikan secara langsung seperti bantuan tunai dan subsidi.

"Sementara, isi rumah M50 pula tidak memerlukan bantuan tunai seperti Bantuan Sarawak Hidup (BSH), tetapi lebih kepada memperkasa dan memperluas

akses terhadap peluang untuk menambah pendapatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas perbincangan bertajuk 'Penandaan Isi Rumah: Satu Analisis Bersepadu Pendapatan dan Perbelanjaan' di Kuala Lumpur, semalam.

Kertas perbincangan itu ditulis secara bersama oleh Hawati, Penyelidik KRI, Gregory Ho Wai Son dan Pengarah Penyelidik KRI, Dr Suraya Ismail.

Ia mencadangkan definisi semasa isi rumah bagi B40, M50 dan T20 boleh diperincikan lagi.

Perincian mendalam boleh dibuat dengan menggunakan pendapatan boleh guna atau bersih dalam mengukur kebajikan isi rumah dengan mengambil kira

**Isi rumah B20 adalah kumpulan yang hanya mampu membeli barang keperluan asas seperti makanan, rumah dan pakaian.**

**Hawati Abdul Hamid,  
Penyelidik Kanan KRI**

perbezaan pendapatan dalam lokasi berbeza dan mengambil kira saiz isi rumah untuk membezakan standard kehidupan yang lebih baik.

Mengulas lanjut, Hawati berkata, dengan memperhalusi klasifikasi isi rumah B40 membolehkan bantuan dan subsidi yang akan disalurkan oleh kerajaan benar-benar sampai kepada khalayak sasaran.

Beliau berkata, dalam konteks miskin atau memastikan standard kehidupan minimum dicapai, definisi B40 semasa terlalu besar liputannya kerana sebahagian besar mereka yang berada dalam kumpulan B40 mungkin tidak memerlukan jenis bantuan yang sama dengan mereka yang miskin.